Daripada jumlah ini, seluas 4.85 juta hektar atau 83.5% telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984. Kawasan HSK ini diuruskan di bawah prinsip pengurusan hutan secara berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

### PENGURUSAN SUMBER HUTAN

Sumber hutan asli di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang terdiri daripada Hutan Darat, Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut telah diuruskan secara sistematik selama 113 tahun semenjak 1901.

Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia [MC&I(2002)] merupakan standard yang digunakan untuk menilai aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di peringkat Unit Pengurusan Hutan (FMU) untuk tujuan pensijilan. Pensijilan pengurusan hutan mengikut standard MC&I telah mula dilaksanakan pada 1994 berdasarkan ITTO *Criteria and Indicators For Sustainable Forest Management*. Setelah kajian semula dibuat, dokumen bertajuk *Malaysian, Criteria, Indicators, Activities and Standards of Performance (MC&I) for Forest Management Certification (FMU Level), Peninsular Malaysia* atau lebih dikenali sebagai [MC&I (2001)] telah dihasilkan.

Kesemua lapan (8) FMU yang terlibat dengan persijilan pengurusan hutan telah menjalani Audit Pensijilan Semula MC&I dan Audit Pemantauan MC&I seperti yang dirancangkan. Kesemua negeri FMU iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu telah berjaya dikekalkan dengan Sijil

### FOREST RESOURCES

*At the end of 2014, forested land accounted for 5.80 million hectares or 44% of Peninsular Malaysia's total land area of 13.18 million hectares.*

*From this total, 4.85 million hectares or 83.5% have been gazetted as Permanent Reserved Forests (PRFs) under the National Forestry Act, 1984. These PRFs are managed under the sustainable forest management principles practices for economic, social and environmental benefits.*

### FOREST RESOURCE MANAGEMENT

*Natural forest resources especially those found within the Permanent Reserved Forests (PRFs) areas which include Inland Forest, Peat Swamp Forest and Mangrove Forest have been managed systematically for the last 113 years since the year 1901.*

*The Malaysian Criteria and Indicators [MC&I(2002)] are standards adopted to assess management activities and forest development at Forest Management Unit (FMU) level for certification purposes. This certification according to MC&I standard was implemented since 1994 based on ITTO's Criteria and Indicators For Sustainable Forest Management. After revision, the document titled *Malaysian, Criteria, Indicators, Activities and Standards of Performance (MC&I) for Forest Management Certification (FMU Level), Peninsular Malaysia* or known as [MC&I (2001)] was published.*

*All the eight (8) FMUs involved with the forest management certification has undergone MC&I recertification Audit and MC&I Monitoring Audit as planned. All FMU states, namely Johore, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor and Terengganu have successfully retained the Forest Management Certification*

Pengurusan Hutan oleh Badan Pensijilan Bebas iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.

*when audited by an Independent Certification Body or SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.*

## PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN

Usaha-usaha gigih di dalam pembangunan hutan diteruskan bagi memastikan sumber hutan terus terpelihara dan fungsinya dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan hutan dapat dipertingkatkan dan dimanfaatkan secara berkekalan.

Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan terus disalurkan bagi membiayai pelaksanaan program-program pembangunan hutan. Peruntukan kewangan ini adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan Tahunan Persekutuan dan Negeri, Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Hutan, Tabung Pembangunan Industri Kayu Kayan Malaysia dan sumber-sumber kewangan lain.

Sejumlah RM31.02 juta atau 91.3% daripada jumlah peruntukan tahunan di peringkat Persekutuan telah dibelanjakan dalam tahun 2014. Perbelanjaan ini adalah bagi pelaksanaan enam (6) projek utama di JPSM ke arah memperkasakan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Ini untuk memastikan sumber hutan negara berkekalan bagi kepentingan alam sekitar, ekonomi dan sosial.

Di peringkat Negeri pula, sejumlah RM58.29 juta atau 77.8% daripada jumlah peruntukan tahunan telah dibelanjakan.

## FOREST RESOURCE DEVELOPMENT

*Concerted efforts will continue to be intensified to ensure that the forest resources are conserved and their functions to produce forest goods and services are sustained and their benefits realised in perpetuity.*

*Allocations from Federal and State Government will continue to be channelled to finance the implementation of forest development programmes. These financial allocations comprised of Federal and States' Annual Development Budget, State Forest Development Fund, Timber Industry Development Fund and other financial sources.*

*A total of RM31.02 million representing 91.3% of the annual Federal allocation was spent in 2014. These expenditures are for the implementation of six (6) development projects in the FDPM to further strengthen the practices of Sustainable Forest Management. This is to ensure the country's forest resources are managed sustainably in the interests of environmental, economic and social benefits.*

*At the State level, a total of RM58.29 million representing 77.8% of the annual allocation was spent.*

### Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan, 2014 (RM juta) Forest Development Allocation and Expenditure, 2014 (RM million)

Persekutuan / Negeri Federal / State	Peruntukan Allocation	Perbelanjaan Expenditure	Peratus Percent (%)
Persekutuan / Federal	33,992,282	31,020,433	91.3
Negeri / State	74,967,695	58,292,369	77.8
<b>Jumlah / Total</b>	<b>108,959,977</b>	<b>89,312,802</b>	<b>82.0</b>

## **PEMULIHARAAN HUTAN & PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

### **Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai**

Sehingga tahun 2014, pencapaian keseluruhan penanaman adalah sebanyak 4.53 juta anak pokok yang meliputi kawasan seluas 1,442 hektar telah ditanam di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.

Sejumlah 35 kempen kesedaran telah pun diadakan di bawah program ini di seluruh negara. Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat “milik bersama” terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Pihak Jabatan juga telah menerbitkan Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesis-Spesis yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2014 pada tahun ini.

Pada setiap tahun, Majlis Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac. Pada tahun ini, sambutan majlis ini telah diadakan di di Pusat Pendidikan Pelancongan (Eco-Edutourism) Pengurusan Hutan Tropika, Hutan Simpan Sungai Menyala, Port Dickson, Negeri Sembilan dengan bertemakan ‘Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat’, ia merupakan usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menghijaukan bumi.

### **Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Biologi Hutan**

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan saintifik dan pendokumentasian komposisi biodiversiti di dalam kawasan HSK, JPMS telah menganjurkan Satu (1) Seminar Ekspedisi Sainifik iaitu Seminar Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Flora Hutan Paya Laut Merbok di Alor Setar, Kedah. Ia adalah bertujuan untuk membenteng dan membincangkan segala penemuan daripada Ekspedisi Sainifik Kepelbagaian Flora Hutan Paya Laut Merbok, Kedah yang dilaksanakan pada tahun 2013.

## **FOREST CONSERVATION & ENVIRONMENTAL PROTECTION**

### **Coastal Forest Conservation**

*By the end of 2014, a total of 4.53 million seedlings were planted covering an area of 1,442 hectares under the Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline.*

*A total of 35 awareness campaigns were conducted under this programme throughout the country. This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forests as well as to instill the spirit of ‘common ownership’ for environmental wellbeing.*

*The Department also published a book related to the programme that is Annual Report on Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2014.*

*The International Day of Forests is celebrated on 21 March every year. This year the celebration was held at Eco-Edutourism Centre, Sungai Menyala Forest Reserve, Port Dickson, Negeri Sembilan with the theme “Forest for Community Livelihood”, it marks an effort to increase community awareness and helps to further green the earth.*

### **Forest Biological Diversity Scientific Expedition**

*In the efforts to enhance the scientific knowledge base and documentation of biodiversity composition in PRFs, FDPM organised one (1) Scientific Expedition Seminar which is Seminar on the Scientific Expedition of Flora Diversity of Merbok Mangroves Forest at Alor Setar, Kedah. It is to present and to discuss the findings from the Scientific Expedition of Flora Diversity of Merbok Mangroves Forest at Alor Setar, Kedah which is conducted in 2013.*

Dua (2) buku Prosiding Seminar juga telah diterbitkan iaitu prosiding bagi Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Gunung Besar Hantu, Negeri Sembilan dan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi di Hutan Simpan Gunung Tebu, Terengganu.

*Two (2) Seminar Proceedings namely the Proceedings for the Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Besar Hantu Forest, Negeri Sembilan and Scientific Expedition of Forest Biological Diversity of Gunung Tebu Forest Reserve were published.*

## PENGUSAHASILAN HUTAN

### Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahaan

Seluas 34,070 hektar kawasan HSK yang diurus berdasarkan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan telah diusahakan dalam tahun 2014. Keluasan ini merupakan 84.5% daripada jumlah Catuan Tebangan Tahunan yang ditetapkan iaitu 40,334 hektar. Selain daripada itu, Hutan Tanah Kerajaan seluas 17,528 hektar dan Tanah Bermilik seluas 26,901 hektar turut diusahakan.

## FOREST HARVESTING

### Area Licensed for Harvesting

*An area of 34,070 hectares of PRFs that was managed based on Sustainable Forest Management practices were harvested in 2014. This represented 84.5% of the total Annual Allowable Cut approved amounting to 40,334 hectares. In addition, an area of 17,528 hectares of State Land Forest and 26,901 hectares of Alienated Land were also harvested.*

### Kawasan Dilesenkan untuk Pengusahaan, 2014 (Hektar) Area Licenced for Harvesting, 2014 (Hectares)

Jenis Hutan Forest Type	Hektar Hectares	Peratus Percent (%)
Hutan Simpanan Kekal / Permanent Reserved Forest	34,070	33.1
• CTT / AAC		
• Luar CTT / Outside AAC*	24,317	23.7
Hutan Tanah Kerajaan / State Land Forest	17,528	17.0
Tanah Bermilik / Alienated Land	26,901	26.2
<b>Jumlah / Total</b>	<b>102,816</b>	<b>100.0</b>

\* Keluasan HSK yang diusahakan secara tebang habis untuk tujuan penyelidikan, pembangunan dan perladangan hutan  
\* PRF clear-felled for research, development and forest plantation

## PENGELUARAN

Dalam tahun 2014, kesemua pengeluaran hasil kayu terpilih mencatatkan peningkatan melainkan kayu gergaji yang mencatat penurunan sebanyak 1.8%. Peningkatan peratus pengeluaran kayu balak, papan lapis, venier dan kayu kumai masing-masing adalah sebanyak 0.7%, 0.2%, 53.4% dan 27.4%.

## PRODUCTION

*In 2014, the production of all selected timber products recorded increases with the exception of of sawn timber which recorded the decrease with 1.8%. The percentage increases in the production of log, plywood, veneer and moulding were 0.7%, 0.2%, 53.4% and 27.4% respectively.*

## Pengeluaran Hasil Kayu Terpilih Production of Selected Timber Products (m<sup>3</sup>)

Industri Industry	2014	2013	Perubahan Tahunan Annual Change 2014 / 2013 (%)
Kayu Balak / Log	4,114,546	4,084,454	+0.7
Kayu Gergaji / Sawn Timber	2,456,888	2,501,722	-1.8
Papan Lapis / Plywood	381,446	380,518	+0.2
Venier / Veneer	141,164	92,016	+53.4
Kayu Kumai / Moulding	97,677	76,672	+27.4

## INDUSTRI BERASAS KAYU

Sebanyak 2,218 kilang pemprosesan berasaskan kayu berlesen telah direkodkan pada tahun 2014. Daripada tujuh (7) jenis industri yang disenaraikan mengikut jadual di bawah, kilang perabot/kilang kerja kayu/pertukangan & tanggaman telah mencatatkan bilangan terbesar dan diikuti oleh kilang papan.

### Bilangan Industri Berasas Kayu Utama 2014 Number of Major Wood-Based Industries 2014

Jenis Industri Types of Industries	Bilangan Number
Kilang Papan / Sawmill	694
Kilang Papan Lapis & Venier / Plywood & Veneer Mill	40
Kilang Kayu Kumai / Moulding Mill	158
Perabot / Kilang Kerja Kayu / Pertukangan & Tanggaman* Furniture / Wood Working / Carpentry & Joinery Mill	1,295
Kilang Papan Blok / Blockboard Mill*	-
Kilang Papan Serpai & Papan Serpih* Chipboard & Particleboard Mill	22
Kilang Papan Gentian Sederhana Padat (MDF) Medium Density Fibreboard (MDF) Mill	9

\*Merujuk hanya kepada Kilang Perabot, Pertukangan & Tanggaman yang berdaftar dengan JPMS  
\*Refers to only registered Furniture, Wood Working & Joinery Factories with FDPMS

## SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

### Sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak RM8.93 bilion atau 0.8% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia sebanyak RM1,106.58 trilion dalam tahun 2014.

## WOOD-BASED INDUSTRIES

*A total of 2,218 licenced wood-based processing mills were recorded in 2014. Out of the seven (7) types of industries listed in the following table, the furniture / wood working / carpentry and joinery mills were the largest followed by sawmills.*

## SOCIOECONOMIC CONTRIBUTIONS

### Contribution to Gross Domestic Product (GDP)

*The forestry sector contributed RM8.93 billion or 0.8% of Malaysia's Gross Domestic Product of RM1,106.58 trillion in 2014.*

## Perdagangan Produk Kayu-Kayan

Pada tahun 2014, jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayan Malaysia telah meningkat sebanyak 5.4% kepada RM20.38 bilion berbanding tahun 2013 (RM19.33 bilion). Ianya merupakan 2.7% dari jumlah hasil eksport kasar iaitu f.o.b. RM766.13 bilion.

Bagi Semenanjung Malaysia, eksport produk kayu-kayan tidak termasuk produk pertukangan & tanggaman adalah berjumlah RM4.44 bilion telah mencatatkan peningkatan sebanyak 42.3% berbanding RM3.12 bilion pada tahun 2013.

## Kutipan Hasil Hutan kepada Kerajaan Negeri

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang RM378.35 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2014.

## Pekerjaan dalam Sektor Perhutanan

Dalam tahun 2014, sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia menyediakan sejumlah 36,982 peluang pekerjaan secara langsung dalam pelbagai industri seperti jadual di bawah. Ini mencatatkan peningkatan keseluruhan sebanyak 8.7% berbanding 34,025 orang pada tahun 2013.

## Timber Products Trade

*The total export earnings from Malaysian timber products in 2014 increased by 5.4% to RM20.38 billion as compared to RM19.33 billion in 2013. This accounted for 2.7% of the total gross export earnings at f.o.b RM766.13 billion.*

*For Peninsular Malaysia, export of timber products excluded carpentry & joinery product amounted to RM4.44 billion, an increase of 42.3% as compared to RM3.12 billion in 2013.*

## Forest Revenue Collection to the State Government

*Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed RM378.35 million to the state coffers in 2014.*

## Employment in the Forestry Sector

*In 2014, the forestry sector in Peninsular Malaysia provided direct employment to 36,982 persons in the various industries as stipulated below. This registered an overall increase of 8.7% as compared to 34,025 persons in 2013.*

### Gunatenaga Secara Langsung dalam Sektor Perhutanan di Semenanjung Malaysia Total Direct Employment in the Forestry Sector in Peninsular Malaysia

Jenis Type	2014	2013	Perubahan Tahunan Annual Change 2014 / 2013 (%)
Pengusahasilan Hutan / Forest Harvesting	6,827	6,574	+3.8
Kilang Papan / Sawmill	16,597	15,329	+8.3
Papan Lapis / Venier / Plywood / Veneer	4,833	4,725	+2.3
Kayu Kumai / Moulding	3,604	2,089	+72.5
Penjawat Awam / Public Service	5,121	5,308	-3.5
<b>Jumlah / Total</b>	<b>36,982</b>	<b>34,025</b>	<b>+8.7</b>

## Jumlah Pelaburan

Jumlah pelaburan dalam industri kayu gergaji, papan lapis dan kayu kumai di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2014 adalah RM2.03 bilion. Ia mencatatkan pengurangan sebanyak RM0.63 bilion atau 23.7% berbanding dengan tahun 2013 (RM2.66 bilion).

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Seramai 5,121 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang meliputi pelbagai bidang seperti kenegaraan, teknikal, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan kaunseling / psikologi di sepanjang tahun 2014. Ini melibatkan kehadiran staf di dalam 385 kursus dalam dan luar negara seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Selain daripada itu, seramai 74 pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2013/2014 dan 34 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2012/2014 di Institut Latihan Perhutanan, Kepong (FORTRAIN) telah menamatkan latihan mereka pada tahun 2014. Manakala seramai 29 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2014/2016 dan 75 orang pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan sesi 2014/2015 masih menjalani latihan.

### Program Latihan 2014 Training Programme 2014

Kategori Category	Dalam Negeri Local	Luar Negara International
Kursus / Lawatan Belajar Course / Study Tour	135	6
Bengkel / Seminar Workshop / Seminar	150	22
Persidangan / Conference	3	2
Taklimat / Mesyuarat Briefing / Meeting	23	16
Ekspedisi / Expedition	-	-
Simposium / Forum / Kongres Symposium / Forum / Congress	16	-
Dialog / Kolokium / Syarahan Am Dialogue / Colloquium / Public Lecture	12	-

## Total Investment

The total investment in the sawmill, plywood and moulding industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets amounted to RM2.03 billion in 2014. It recorded a decrease of RM0.63 billion or 23.7% as compared to 2013 (RM2.66 billion).

## HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

A total of 5,121 staff of FDPM had benefited from the various training activities comprising various fields such as nationhood, technical, human resource management, financial management, information technology and counselling/psychology conducted throughout 2014. This involved the attendance in 385 courses by the staff both at local and international levels as shown in the table below.

In addition, a total of 74 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2013/2014 Session and 34 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2012/2014 have completed their training at the Forestry Training Institute, Kepong (FORTRAIN) in 2014. Meanwhile, 29 trainees of the Forestry Ranger Certificate Course for the 2014/2016 session and 75 trainees of the Forestry Forester Certificate Course for the 2014/2015 sessions are still in training.



*Arachnothera magna*



59

**ARTIKEL**  
ARTICLES

# PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK PENANAMAN POKOK DI CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

## STRATEGIC COLLABORATION PROGRAM ON TREE PLANTING AT CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Penerokaan hutan yang tidak terkawal telah mendorong Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) merangka Execution Plan (EP) Cameron Highlands Dreams bertujuan pemulihan semula Cameron Highlands. Antaranya, ialah aktiviti penguatkuasaan dan penghijauan kawasan Cameron Highlands melalui penanaman pokok hutan di kawasan terosot terutamanya kawasan ceroboh sama ada di dalam atau di luar Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 12 Julai 2013, Centralised Enforcement Team (CET) telah ditubuhkan bertujuan menyelaraskan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di Cameron Highlands, khususnya dalam menangani isu penerokaan hutan secara haram melalui aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai jabatan/agensi persekutuan dan negeri. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi koordinasi dan penyelarasan maklumat, NRE telah menubuhkan 1 NRE Command Centre (1 NCC) di Cameron Highlands. Ianya terdiri daripada satu pasukan pemantau yang dianggotai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPN Pahang) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang akan melaksanakan aktiviti rondaan darat dan pemantauan udara secara berkala dan sistematik.



Majlis Perasmian Program Kerjasama Strategik Penanaman Pokok di Cameron Highlands oleh Menteri NRE  
*Strategic Collaboration Program on Tree Planting Launching Ceremony at Cameron Highlands by Minister of NRE*

*Uncontrolled opening of the forest has led the Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE) to formulate an Execution Plan (EP) Cameron Highlands Dreams aimed to rehabilitate Cameron Highlands. Among activities outlined are enforcement and greening of areas in Cameron Highlands through tree planting in degraded areas especially those that have been illegally occupied either within or outside the Permanent Reserved Forest (PRF).*

*Following a Cabinet decision made on 12 July 2013, the Centralised Enforcement Team (CET) aimed to coordinate enforcement activities at Cameron Highlands was established, especially to tackle issues related to illegal opening of the forest through integrated enforcement activity involving various state and federal departments/agencies. In its efforts to further coordinate and streamlining the information, NRE has established the 1 NRE Command Centre (1 NCC) at Cameron Highlands. 1 NCC consists of the monitoring team by Department of Environment (DOE), Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM), Pahang State Forestry Department (Pahang SFD) and Department of Irrigation and Drainage (DID).*



*Press conference diantara wartawan dan Menteri NRE  
Press conference with the Minister of NRE*

Bagi aktiviti penghijauan kawasan Cameron Highlands, pihak NRE dengan kerjasama JPSM, JPN Pahang, JAS dan jabatan-jabatan lain di bawah NRE telah melancarkan Program Kerjasama Strategik Penanaman Pokok di Cameron Highlands. Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk Seri G. Palanivel, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Hutan Simpan Terla B pada 30 September 2014. Program Kerjasama Strategik ini dilaksanakan di bawah tanggungjawab sosial beberapa rakan kerjasama NRE iaitu TESCO, PLUS, TNB, ASMA, GESB, K.S.S.B dan PETRONAS di empat (4) buah HSK dengan keluasan 26.0 hektar. Kos penyediaan anak pokok, kerja penanaman dan penyelenggaraan selepas tanam bagi tempoh lima (5) tahun akan dibiayai oleh rakan kerjasama NRE tersebut. Sebagai permulaan, aktiviti penanaman pokok di kawasan Cameron Highlands ini melibatkan empat (4) spesies pokok hutan iaitu Damar Minyak (*Agathis borneensis*), Rhu Bukit (*Gymnostoma sumathranum*), Podo Kebal Musang Gunung (*Nageia walliana*) dan Meranti Bukit (*Shorea platyclados*). Keempat-empat spesies pokok tersebut dipilih kerana ia sesuai hidup di dalam ekosistem pergunungan dan mampu mencapai tumbesaran yang optimum. Selain itu, pokok-pokok ini juga mempunyai komposisi yang tinggi di kawasan hutan dipterokarpa atas iaitu pada ketinggian 750 – 1,500 meter dari aras laut.



Aktiviti penanaman pokok  
*Tree planting activity*

*For the greening of areas in Cameron Highlands, NRE with the cooperation of FDP, Pahang SFD, DOE and other related departments under NRE have launched the Strategic Collaboration Program on Tree Planting at Cameron Highlands. The event was officiated by YB Datuk Sri G. Palanivel, Minister of Natural Resources and Environment at Terla B Forest Reserve on 30 September 2014. This Strategic Collaboration Program was launched through Corporate Social Responsibility (CSR) by NRE strategic partners namely TESCO, PLUS, TNB, ASMA, GESB, K.S.S.B and PETRONAS at four (4) PRFs with the total acreage of 26.0 hectares. The cost for preparing the saplings, planting and maintenance after planting will be borne by NRE strategic partners for a period of five (5) years. For a start, four (4) species of forest trees namely Damar Minyak (*Agathis borneensis*), Rhu Bukit (*Gymnostoma sumathranum*), Podo Kebal Musang Gunung (*Nageia walliana*) and Meranti Bukit (*Shorea platyclados*) will be planted in the areas of Cameron Highlands. These four (4) species were chosen as they are suitable to highlands ecosystem and able to achieve optimum growth. Besides this, these species have high compositions at upper dipterocarp forest, that is at 750 – 1,500 metres above sea level.*

Jadual 1: Kawasan Penanaman Pokok oleh Rakan Strategik NRE  
*Table 1: Tree Planting Areas by NRE Strategic Partners*

Hutan Simpan <i>Forest Reserve</i>	Luas (ha) <i>Acreage (ha)</i>	Rakan Strategik NRE <i>NRE Strategic Partner</i>
Terla B	4.0	TESCO (M) Sdn. Bhd
Gunung Siku	1.5	Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA)
Gunung Siku	2.5	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
Gunung Siku	2.0	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (K.S.S.B)
Gunung Siku	4.0	Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Sungai Kial	8.0	Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)
Ulu Bertam	4.0	Golden Ecosystem Sdn. Bhd. (GESB)
<b>Jumlah <i>Total</i></b>	<b>26.0</b>	



Murid-murid sekolah yang terlibat dalam aktiviti penanaman pokok  
*School children involved in tree planting activity*

# PENGURUSAN DAN PEMULIHARAAN KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL BAGI TUJUAN PERLINDUNGAN SUMBER AIR

## *PERMANENT RESERVED FOREST MANAGEMENT AND CONSERVATION FOR THE PROTECTION OF WATER RESOURCES*

Hutan berperanan sebagai kawasan tadahan air dalam memelihara kualiti alam sekitar dengan menyerap dan menapis air hujan sebelum menyalurkannya ke sungai. Hutan juga berfungsi mengawal kadar alirannya dan pada masa yang sama, silara pokok hutan menyerap antara 20% hingga 28% air hujan, di mana sebahagian besarnya akan kembali ke atmosfera melalui sejatan.

Hampir 97% bekalan air mentah negara adalah berpunca dari sungai yang kebanyakannya berasal dari kawasan hutan asli dan sebahagian besarnya berstatus Hutan Simpanan Kekal (HSK). Menyedari akan kepentingan tersebut, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan kawasan HSK dilindungi, dipelihara dan diuruskan secara sistematik selaras dengan amalan pengurusan hutan secara berkekalan.

Di bawah subseksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984), kawasan HSK dikelaskan di bawah satu atau lebih pengelasan mengikut fungsi kegunaannya yang mana hendaklah menggambarkan maksud atau maksud-maksud yang tanah itu sedang digunakan. Salah satu daripada dua belas (12) pengelasan HSK tersebut adalah sebagai Hutan Tadahan Air di mana sehingga 2014, seluas 723,495 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air. Ini merupakan lebih kurang 14.9% daripada keseluruhan kawasan HSK di Semenanjung Malaysia seluas 4.85 juta hektar.

Di samping itu, JPSM turut menggunakan pelbagai peraturan dan garis panduan bagi memastikan pelaksanaan segala

*Forest, as water catchment area, plays an important role in preserving the quality of the environment through absorption and filtration of rainwater before they were released to the river. It also controls the flow of the surface runoffs while the tree canopies absorbed 20% to 28% of the rainfalls, where most of them will be absorbed in the atmosphere through evaporation.*

*Almost 97% of national raw water supplies came from rivers, which originated from natural forest areas, with most of them having the status of Permanent Reserved Forest (PRF). Acknowledging this, the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) has taken the necessary steps to ensure that PRF areas are protected, preserved and systematically managed in line with the sustainable forest management practices.*

*According to subsection 10(1) National Forestry Act 1984 (APN 1984), every PRF shall be classified under one or more classifications which shall be descriptive of the purpose or purposes for which the land is being intended to be used. One of the twelve (12) PRF classifications is 'water catchment forest', where 723,495 hectares have been gazetted until 2014. This is approximately 14.9% of the total 4.85 million hectares of PRF in Peninsular Malaysia.*

*FDPM is also enforcing related rules and standards to ensure that the implementation of all forest resources management activities are*

aktiviti pengurusan sumber hutan selaras dengan amalan pengurusan hutan secara berkekalan. Di antaranya ialah Garis Panduan Pengusahasilan Berimpak Rendah [Guidelines on Reduced Impact Logging (RIL)] dan Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (pindaan 2013) bagi memelihara sumber air.

Dalam memastikan sumber air dalam HSK terus terpelihara, pemantauan kualiti air sungai diukur berdasarkan kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) dengan menggunakan formula yang diintegrasikan untuk menentukan Indeks Kualiti Air (IKA). Sebanyak enam (6) parameter digunakan bagi menentukan IKA iaitu pH, oksigen terlarut [Dissolve Oxygen (DO)], jumlah pepejal terampai [Total Suspended Solid (TSS)], permintaan oksigen biokimia [Biological Oxygen Demand (BOD)], permintaan oksigen kimia [Chemical Oxygen Demand (COD)], dan nitrogen ammonia [Ammoniacal Nitrogen (AN)].

Dalam hubungan ini, JPSM telah menubuhkan sembilan (9) Stesen Tetap Hidrologi JPSM iaitu lima (5) di Pahang dan masing-masing satu (1) di negeri Johor, Kedah, Perak dan Terengganu. Hasil pemantauan di semua Stesen Tetap Hidrologi JPSM mendapati status kualiti air sungai berada di antara kelas II dan III dengan merujuk kepada Kelas Kualiti Air dan Kegunaan yang dibangunkan oleh JAS seperti di Jadual 1. Ini menggambarkan bahawa aktiviti perhutanan terutamanya aktiviti pengusahasilan hutan di dalam kawasan HSK tidak mendatangkan kesan negatif yang ketara ke atas air sungai.

Menyedari akan kepentingan pengurusan kawasan HSK untuk sumber air negara, JPSM perlu meningkatkan kemahiran

*in line with the sustainable forest management practices. To name a few are Guidelines on Reduced Impact Logging (RIL) and Guidelines on Forest Roads 2010 (ammendment 2013) for the protection of water resources.*

*To ensure sustainability of water resources within PRF, the river water quality is monitored using a standard prepared by the Department of Environment (DOE) based on integrated formula to determine Water Quality Index (WQI). Six (6) parameters used in determining the WQI are pH, Dissolve Oxygen (DO), Total Suspended Solid (TSS), Biological Oxygen Demand (BOD), Chemical Oxygen Demand (COD) and Ammoniacal Nitrogen (AN).*

*In relation to this, JPSM has established nine (9) Permanent Hydrological Stations; five (5) in Pahang, and one (1) each in Johor, Kedah, Perak and Terengganu. Through observation at these stations, it is found out that the river water qualities are at class II and III (with reference to Water Quality Classification and Use, developed by DOE as in Table 1). It means that forestry activities especially timber production activities have no significant negative impacts towards river water.*



Peralatan Hidrologi yang dipasang di Stesen Tetap Hidrologi Sungai Salor, Hutan Simpan Temenggor, Grik, Perak  
*The installed hydrological equipment at Sungai Salor Permanent Hydrological Station, Temenggor Forest Reserve, Grik, Perak*

*Realising the importance of managing PRF areas for protection of water supply, FDPM has to develop its human*

dan keupayaan pegawai dan kakitangan dalam bidang pengurusan sumber air melalui perancangan dan pelaksanaan program latihan dan kursus yang berkaitan dengan kaedah-kaedah serta cara-cara pengendalian peralatan hidrologi, pengumpulan maklumat serta penganalisaan data berkaitan kualiti air. Di samping itu, JPSM turut melaksanakan pengurusan bersepadu sumber air dengan menjalinkan kerjasama bersama agensi-agensi berkaitan yang terlibat dengan pengurusan sumber air dan alam sekitar, antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Institut Penyelidikan Hidraulik Malaysia (NAHRIM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) selaras dengan strategi Kerajaan dalam usaha mentransformasikan sektor awam melalui konsep “National Blue Ocean Strategy” (NBOS).

*capital through planning and implementation of training programs related to handling of hydrological equipments, and water quality data collection and analyses. FDPM has also taken the approach of “National Blue Ocean Strategy” (NBOS) by engaging relevant agencies such as Department of Irrigation and Drainage (DID), Department of Environment (DOE), National Hydraulic Research Institute Malaysia (NAHRIM) and Forest Research Institute Malaysia (FRIM) towards integrated water resources management.*

**Jadual 1:** Kelas Kualiti Air dan Kegunaan, Jabatan Alam Sekitar  
**Table 1:** *Water Quality Classification and Use, Department of Environment*

<b>IKA WQI</b>	<b>Kelas Class</b>	<b>Kegunaan Air Water Usage</b>
> 92.7	I	Dalam keadaan semula jadi <i>At natural state</i>
76.5 – 92.7	II	Rawatan air konvensional Sesuai untuk rekreasi <i>Conventional water treatment Suitable for recreation</i>
51.9 – 76.5	III	Air memerlukan rawatan intensif <i>Water require intensive treatment</i>
31.0 – 51.9	IV	Hanya untuk tujuan pengairan <i>For the purpose of irrigation</i>
< 31.0	V	Air yang tercemar <i>Polluted water</i>



Stesen Tetap Hidrologi Sungai Sok, Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah  
*Sungai Sok Permanent Hydrological Station, Ulu Muda Forest Reserve, Kedah*



Sungai Tekai, Pahang  
*Tekai River, Pahang*

Disumbangkan oleh Bahagian Pengurusan Hutan  
*Contributed by Forest Management Division*

# AGENSI PELAKSANA KEBANGSAAN PROJEK HUTAN TANAH GAMBUT ASEAN (2010 - 2014) DAN PROGRAM PENGURUSAN MAMPAN EKOSISTEM TANAH GAMBUT ASEAN (2014 - 2020)

## *NATIONAL EXECUTING AGENCY OF ASEAN PEATLAND FORESTS PROJECT (2010-2014) AND ASEAN PROGRAMME OF SUSTAINABLE MANAGEMENT OF PEATLAND ECOSYSTEMS (2014-2020)*

Malaysia mempunyai kawasan tanah gambut kedua terbesar di Asia Tenggara, merangkumi kawasan seluas lebih kurang 2.5 juta hektar. Kawasan tanah gambut memberikan perkhidmatan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang penting bagi kesejahteraan masyarakat, termasuk mengawal perubahan iklim melalui penyimpanan karbon, air bersih, mengawal banjir, pertanian yang produktif dan juga pemeliharaan biodiversiti. Walau bagaimanapun, sedekad yang lalu, kawasan tanah gambut ini mula menghadapi ancaman akibat aktiviti manusia yang berleluasa, termasuklah pencerobohan haram dan pembakaran tidak dikawal serta peneggelaman daripada kelemahan amalan pengurusan tanah.

Kelemahan pengurusan kawasan tanah gambut merupakan salah satu elemen terpenting alam sekitar dan sosio-ekonomi yang memberikan impak besar terhadap tanah gambut yang mengakibatkan pembakaran kawasan tanah gambut secara meluas dan kejadian jerebu merentasi sempadan. Dalam menangani isu kritikal ini, Negara Anggota ASEAN (AMS) telah bersetuju untuk merumuskan Perjanjian ASEAN berkenaan Jerebu Merentasi Sempadan. Perjanjian ini mengandungi peruntukan pemantauan, penilaian dan pencegahan, kerjasama teknikal dan penyelidikan saintifik, penyelarasan mekanisme, talian komunikasi serta pemudahan prosedur kastam dan imigresen untuk bantuan bencana telah ditandatangani

*Malaysia has the second largest peatland in Southeast Asia, comprising an area of approximately 2.5 million hectares. Peatlands provide important economic, social and environmental services to the livelihood of the community, including climate change mitigation through carbon storage, clean water, flood mitigation, productive agriculture and also biodiversity conservation. In the last decade, however, peatlands are increasingly under threat due to uncontrolled human activities, which amongst others include illegal encroachment and loss from wildfire and subsidence from poor land management practices.*

*Poor management of peatland is considered as one of the most important environmental and socio-economic element that has exerted impacts on peatlands resulting in extensive occurrences of peatland fires and associated transboundary haze pollution. To address this critical issue, the ASEAN Member States (AMS) have agreed to formulate the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution. This Agreement which contains provisions on monitoring, assessment and prevention, technical cooperation and scientific research, mechanisms for coordination, lines of communication, and simplified customs and immigration procedures for disaster relief was signed on 10 June 2002 in Kuala Lumpur and enforced on 25 November 2003. All these*

pada 10 Jun 2002 di Kuala Lumpur dan berkuatkuasa pada 25 November 2003. Kesemua aktiviti ini adalah sangat penting bagi memastikan kelangsungan kawasan tanah gambut dalam rantau ini pada masa akan datang.

Sebagai tindakan susulan, AMS juga telah merumuskan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN (APMS), dibangunkan khas untuk menyediakan rangka kerja yang sama bagi pengurusan kawasan tanah gambut dalam rantau ini bagi tempoh 2006 – 2020. APMS merupakan satu dokumen terperinci dan kompleks yang merangkumi objektif rantau ASEAN dengan 13 Kawasan Tumpuan, 25 Objektif Operasi dan 85 Tindakan. Rentetan daripada pembangunan APMS, setiap AMS telah ditugaskan untuk membangun Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Tanah Gambut (NAPP) tersendiri untuk membantu dan menyelaraskan keutamaan kebangsaan masing-masing ke dalam bentuk tindakan. Dalam konteks ini, Malaysia sebagai salah satu negara terawal dalam AMS, telah mengesahkan NAPP pada Mei 2011 dan seterusnya dimantapkan dengan pelaksanaan Projek Hutan Tanah Gambut (APFP) 2010 – 2014.

*activities are very crucial in ensuring the future survival of peatlands in this region.*

*As a follow-up action, the AMS also formulated the ASEAN Peatland Management Strategy (APMS), specially developed to provide a common framework for peatland management in the region for the period 2006-2020. The APMS is a detailed and complex document comprising ASEAN regional objectives with 13 Focal Areas, 25 Operational Objectives and 85 Actions. Following the development of the APMS, each AMS has been tasked to develop its own National Action Plan for Peatlands (NAPP) to assist and align their national priorities into actions. In this context, Malaysia being one of the earliest amongst the AMS, has the NAPP endorsed in May 2011 and further amplified with its implementation of the ASEAN Peatland Forests Project (APFP) 2010-2014.*



Ahli Jawatankuasa Kerja dan Pemandu Tanah Gambut Peringkat Negeri dan Kebangsaan  
*National and State Working and Steering Committees on Peatlands*



Program pemuliharaan paya gambut  
*Peatlands rehabilitation programme*



Skuad pemadam kebakaran hutan  
*Forest fire suppression squad*

Projek ini telah mendapat bantuan kewangan daripada Tabung Pembangunan Pertanian Antarabangsa (IFAD) dan Global Environment Facility (GEF). Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE) merupakan National Focal Point, manakala Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah Agensi Pelaksana Projek Kebangsaan yang menyelaraskan pelaksanaannya. Sekretariat ASEAN pula ialah Ketua Projek APFP dan Global Environment Centre (GEC) adalah Agensi Pelaksana Projek Serantau yang berpusat di Malaysia.

APFP Malaysia telah mula beroperasi semenjak 2010. Matlamat utama projek ini adalah untuk mempromosikan pengurusan mampan tanah gambut di seluruh negara melalui pembangunan sumber manusia, pencegahan dan pengawalan kebakaran, jalinan kerjasama sektor swasta dan demonstrasi amalan pengurusan yang terbaik. Kebanyakan aktiviti projek ini dilaksanakan secara perintis di Selangor, iaitu Hutan Paya Gambut Selangor Utara.

Antara output serta pencapaian projek ini ialah:

- Penubuhan Jawatankuasa Kerja dan Pemandu Tanah Gambut Peringkat Negeri dan Kebangsaan;
- Memperhalusi Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Tanah Gambut (NAPP) dan pembentukan Pelan Tindakan Negeri untuk Tanah Gambut di Selangor;

*The APFP was financially supported by the International Fund for Agriculture Development (IFAD) and Global Environment Facility (GEF). The Ministry of Natural Resources and Environment Malaysia (NRE) is the National Focal Point, while the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) as the National Project Executing Agency which coordinates the implementation. The ASEAN Secretariat is the APFP Project Leader and Global Environment Centre (GEC) being the Regional Project Executing Agency is based in Malaysia.*

*The Malaysian APFP project has been in operation since 2010. The immediate goal of the project was to promote the sustainable management of peatlands in the country through continuous capacity building, fire prevention and control, private sector partnership and demonstration of best management practices. Most of the project activities were undertaken at the pilot site in Selangor, namely the North Selangor Peat Swamp Forest.*

*Some of the successful outputs and achievements of the project are:*

- *The establishment of National and State Working and Steering Committees on Peatlands;*
- *Further refinement of the National Action Plan for Peatlands (NAPP) and formulation of the State Action Plan for Peatlands in Selangor;*

- Pembangunan Sistem Peringkat Bahaya Kebakaran (FDRS) dan penambahbaikan dalam pengurusan kebakaran tanah gambut;
- Pelaksanaan aktiviti kawasan perintis berkaitan dengan pembangunan Pelan Integrasi Pengurusan, pemuliharaan kawasan tanah gambut dan kerjasama pengurusan kebakaran; dan
- Penambahbaikan penyertaan komuniti dan syarikat swasta dalam pengurusan tanah gambut secara berkesan.

Projek ini menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat yang tinggal berhampiran atau di sekeliling kawasan tanah gambut ini dalam aktiviti seperti program pemuliharaan hutan, pemantauan dan sekatan kejadian kebakaran tanah gambut. Selain itu, komuniti ini juga bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan dalam melaporkan sebarang pencerobohan atau aktiviti haram dalam kawasan tanah gambut. Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara ialah Organisasi Berdasarkan Komuniti (CBO) pertama yang ditubuhkan di bawah program pemuliharaan kawasan tanah gambut di ASEAN.

JPSM telah berjaya melaksana dan menyelesaikan projek APFP. ASEAN mengenal pasti nilai dan cabaran yang digambarkan oleh tanah gambut dalam lingkungan negara masing-masing serta meningkatkan penyelidikan, pengetahuan dan peningkatan amalan pengurusan secara aktif untuk kawasan tanah gambut. Kejayaan projek APFP jelas dilihat melalui pembangunan program jangka masa panjang untuk Pengurusan Mampan Ekosistem Tanah Gambut (2014–2020) yang disokong sepenuhnya oleh semua Menteri Alam Sekitar ASEAN, termasuk Malaysia; yang diketuai oleh Menteri NRE. Semasa ini, Pengurusan Mampan Ekosistem Tanah Gambut telah diterjemahkan ke dalam beberapa projek berfaedah merentas rantau ASEAN dan seterusnya dapat menyokong pelaksanaan objektif Strategi Pengurusan Kawasan Tanah Gambut ASEAN (2006 – 2020).

- *The development of the Fire Danger Rating System (FDRS) and improvements in peatland fire management;*
- *The implementation of pilot sites activities related to the development of Integrated Management Plan, peatland rehabilitation and cooperative fire management; and*
- *Further improvement of community and private company participation in the effective management of peatlands.*

*This project encouraged active participation of the local communities living adjacent to or surrounding these peatland areas in activities such as forest rehabilitation programme, monitoring and suppression of peat fire incidences. These communities also serve as the eyes and ears of the government in the reporting of any encroachment or illegal activities in the peatland areas. The Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (North Selangor Friends of Peatlands) is the first Community-Based Organisation (CBO) established under the peatlands conservation programme in ASEAN.*

*FDPM had successfully implemented and completed the APFP project. The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) recognises the values and challenges represented by peatlands within their borders and have been actively pursuing increased research, knowledge and improved management practices for peatlands. The success of the APFP project is clearly demonstrated through the development of a long term programme for the Sustainable Management of Peatland Ecosystems (2014-2020) fully supported by all ASEAN Ministers on Environment, including Malaysia; led by the Minister of NRE. The Sustainable Management of Peatland Ecosystems programme is currently being translated into several beneficial projects across the region which will further support the implementation of the objectives of the ASEAN Peatland Management Strategy (2006-2020).*

Program jalinan kerjasama pintar di bawah Projek APFP ini menyediakan peluang untuk membawa semua pihak yang berminat bersama, iaitu orang awam dan agensi swasta, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi, NGO dan CBO untuk terus memberikan khidmat di bawah program baharu ASEAN, iaitu Pengurusan Mampan Ekosistem Kawasan Tanah Gambut (2014 – 2020). Sebagai Focal Point, NRE akan terus melonjakkan peranannya sebagai pemimpin dalam pembangunan masa depan bersama-sama dengan JPSM yang bertindak sebagai Agensi Pelaksana Kebangsaan.

*The idea of smart partnership programme initiated under these APFP projects provide opportunities to bring all the interested parties together, namely the public and private agencies, research institutions, higher learning institutions, NGOs and CBOs to continue its services under the new ASEAN programme of Sustainable Management of Peatland Ecosystems (2014-2020). NRE being the Focal Point will continue to embark on her role to lead this future development with FDPM which once again serve as the National Executing Agency.*



Penyertaan komuniti dan syarikat swasta dalam pengurusan tanah gambut secara berkesan  
*Community and private company participation in the effective management of peatlands*



*Dendrocalamus pendulus*



71

**PROFIL  
JABATAN  
PERHUTANAN  
NEGERI**

*STATE FORESTRY  
DEPARTMENT'S  
PROFILE*



## JOHOR

Ibu Negeri / *State Capital*  
Alamat / *Address*

: JOHOR BAHRU  
: Jabatan Perhutanan Negeri  
Johor, Tingkat 2, Bangunan  
Dato' Mohammad Ibrahim  
Munshi, Kota Iskandar,  
79660 Nusajaya, Johor

No. Tel. / *Tel. No.* : 07-266 7433  
No. Faks / *Faxs No.* : 07-266 1288  
Pengarah / *Director* : Mohd. Ridza bin Awang  
E-Mel / *Email* : ridza@forestry.gov.my  
Laman Sesawang /  
*Website* : www.forestry.gov.my/johor



## JOHOR

1.	Penduduk (juta) (2010)* / <i>Population (million)</i>	3.23
2.	Keluasan Tanah / <i>Land Area (ha)</i>	1,901,600
3.	Tanah Berhutan / <i>Forested Land (ha)</i>	466,768
4.	Tanah Tidak Berhutan / <i>Non-forested Land (ha)</i>	1,434,832
5.	Sumber Hutan / <i>Forest Resource</i>	
	a) Hutan Simpanan Kekal / <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	432,184
	b) Ladang Hutan / <i>Forest Plantations (ha)**</i>	74,039
	c) Tanah Kerajaan / <i>State Land Forest (ha)</i>	29,375
	d) Taman Hidupan Liar / <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	325
	e) Catuan Tebangan Tahunan (untuk Hutan Simpanan Kekal) (ha)*** <i>Annual Allowable Cut (for Permanent Reserved Forest)</i>	2,940
	f) Keluasan yang dikeluarkan untuk pengusahaan (ha)+ <i>Area opened for logging</i>	553
	g) Pengeluaran / <i>Production</i>	
	- Kayu Balak / <i>Logs (m<sup>3</sup>)</i>	70,239
	- Hasil Hutan Lain / <i>Other Forest Products (RM)</i>	1,893,444
6	Industri Hutan / <i>Forest Industry</i>	
	a) Bilangan / <i>Number</i>	
	- Kilang Papan / <i>Sawmills</i>	70
	- Kilang Papan Lapis / Venier / <i>Plywood / Veneer Mills</i>	8
	- Kilang Kayu Kumai / <i>Moulding Mills</i>	11
	b) Penggunaan Kayu Balak / <i>Consumption of Logs (m<sup>3</sup>)</i>	
	- Kilang Papan / <i>Sawmills</i>	344,467
	- Kilang Papan Lapis / Venier / <i>Plywood / Veneer Mills</i>	16,243
	c) Pengeluaran / <i>Production (m<sup>3</sup>)</i>	
	- Kayu Gergaji / <i>Sawn Timber</i>	239,448
	- Papan Lapis / <i>Plywood</i>	7,010
	- Kayu Kumai / <i>Mouldings</i>	-
	d) Bilangan Pekerja / <i>Number of Workers</i>	3,023

### Nota / *Note*

\* - Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*Source: Department of Statistics, Malaysia*

\*\* - Termasuk Ladang-Ladang Hutan Kompensatori, Pine, Jati dan Getah

*Includes Compensatory Forest Plantation, Pine, Teak and Rubber Plantations*

\*\*\* - Seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara

*As stipulated by the National Forestry Council*

+ - Termasuk kawasan Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilik

*Includes Permanent Reserved Forest, State Land and Alienated Land*



# KEDAH

Ibu Negeri / *State Capital* : ALOR SETAR  
 Alamat / *Address* : Jabatan Perhutanan Negeri  
 Kedah, Tingkat 8, Bangunan  
 Sultan Abd. Halim, Jalan  
 Sultan Badlishah, 05000  
 Alor Setar, Kedah

No. Tel. / *Tel. No.* : 04-733 3844 / 04-733 3901  
 No. Faks / *Faxs No.* : 04-731 0610  
 Pengarah / *Director* : Ku Azmi bin Ku Aman  
 E-Mel / *Email* : kuazmi@forestry.gov.my  
 Laman Sesawang /  
*Website* : www.kedforestry.gov.my



## KEDAH

1.	Penduduk (juta) (2010)* / <i>Population (million)</i>	1.90
2.	Keluasan Tanah / <i>Land Area (ha)</i>	942,500
3.	Tanah Berhutan / <i>Forested Land (ha)</i>	342,431
4.	Tanah Tidak Berhutan / <i>Non-forested Land (ha)</i>	600,069
5.	Sumber Hutan / <i>Forest Resource</i>	
	a) Hutan Simpanan Kekal / <i>Permanent Reserved Forest (ha)</i>	341,976
	b) Ladang Hutan / <i>Forest Plantations (ha)**</i>	9,583
	c) Tanah Kerajaan / <i>State Land Forest (ha)</i>	455
	d) Taman Hidupan Liar / <i>Wildlife Reserve (ha)</i>	-
